

26 JUN 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN DJIBOUTI/I

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Republik Djibouti Hassan Gouled Aptidon sempena Hari Kemerdekaan negara itu.

Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mendoakan semoga Djibouti menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran di bawah kepimpinan beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Barkad Gourad Hamadou dengan harapan bahawa tahun-tahun akan datang akan membawa kemakmuran dan kemajuan bagi negara dan rakyatnya.

Dr Mahathir berkata beliau amat gembira bahawa hubungan antara Malaysia dan Djibouti berkembang pesat.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada Menteri Luar negara itu, Muhammad Musa Chehem.

Dalam perurusannya, Abdullah berkata beliau yakin bahawa hubungan dan kerjasama rapat antara kedua-dua negara akan berkembang pada tahun-tahun akan datang.

-- BERNAMA
NZ FAZ